

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 JULAI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6

Penyasaran subsidi demi kewangan negara masa depan

Penyasaran subsidi demi kewangan negara masa depan

Nibong Tebal: Beberapa tindakan diambil kerajaan termasuk dalam soal penyasaran subsidi dan pengurusan hutang bertujuan menjamin serta mengukuhkan kewangan negara pada masa depan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata langkah itu termasuk penggabalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA) 2023 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Menteri

Kewangan, tahun lalu.

"Maknanya ada had berhutang menjelang 2028 sebanyak tiga peratus defisit fiskal sahaja, maknanya kalau saiz ekonomi kita RM2 trilion maksudnya RM60 bilion sahaja boleh hutang.

"Tahun pertama kita turunkan kepada lima peratus, tahun ini tak tidur malam kita kerana kena turunkan 4.3 peratus tahun depan dan 3.5 peratus tahun berikutnya.

"Kedua, had siling hutang ke-

rajaan tidak boleh melebihi 60 peratus daripada saiz hutang negara," katanya pada Ceramah Perpaduan Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Bakap di Ladang Sempah, malam kelmarin.

Timbalan Presiden PKR itu berkata, tindakan kerajaan mungkin belum dapat dilihat kesannya, namun beliau yakin jasa Perdana Menteri akan dikenang berpuluh tahun akan datang.

Beliau menyifatkan keputusan tidak popular sedemikian mele-

takan bahawa tidak ada pemimpin kerajaan selepas ini yang boleh sewenang-wenangnya berhutang dan mewariskan hutang kepada generasi baharu.

Menurutnya, tindakan itu sekali gus bertujuan menjamin dan mengukuhkan kewangan negara supaya pemimpin masa depan tidak menanggung hutang terlampau tinggi sehingga dalam berada situasi perlu mendapatkan bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

"Negara kita ini kalau kita tidak 'ikat' budaya berhutang, pimpinan selepas kita akan terus berhutang bila terlalu tinggi dah tak boleh bayar apa pilihan pimpinan masa depan generasi muda nanti? Dia kena pergi pinjam IMF.

"Sebab kita nak jaga negara ini supaya jangan ada pada masa depan negara kita kena berhutang dengan IMF supaya kewangan negara kita kukuh dan Malaysia dihormati sebagai negara Islam yang kuat," katanya.